



**KEMENTERIAN HAL EHWAH EKONOMI**  
**1 OKTOBER 2018**  
**KENYATAAN MEDIA**

**MESUARAT KE-24 PERINGKAT MENTERI /INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND  
GROWTH TRIANGLE (IMT-GT)**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berjaya menganjurkan Mesyuarat Ke-24 Peringkat Menteri IMT-GT dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan yang berlangsung di Melaka dari 29 September hingga 1 Oktober 2018. Ia merupakan ulang tahun ke-25 penubuhan kerjasama IMT-GT.

Sebagai tuan rumah, saya telah mempengerusikan Pemukiman Ke-6 Menteri-Menteri IMT-GT dan Mesyuarat Ke-24 Peringkat Menteri. Lebih daripada 250 pegawai kanan Kerajaan dan delegasi dari Indonesia, Malaysia dan Thailand bertemu untuk membincangkan kaedah terbaik bagi meningkatkan penyelarasaran kerjasama serantau antara negara anggota merangkumi pembangunan sosio-ekonomi, perkembangan perniagaan dan kesalinghubungan insan.

Dengan jumlah penduduk melebihi 82 juta orang meliputi 32 wilayah dengan jumlah tenaga buruh sebanyak 40 juta orang, ini melambangkan kekuatan ekonomi IMT-GT sebagai satu pasaran yang kukuh di rantau ini bagi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan yang lebih rancak. IMT-GT juga telah memberi komitmen untuk melaksana dan menyiapkan projek-projek infrastruktur di ketiga-tiga negara anggota yang berjumlah USD47 bilion yang kebanyakannya dijangka siap menjelang 2021.

Negeri-negeri IMT-GT di Malaysia yang terdiri daripada 8 negeri iaitu Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor telah mendapat manfaat daripada program dan projek IMT-GT. Kesemua negeri ini telah mencatatkan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari USD283 bilion pada tahun 2011 kepada USD406 bilion pada 2016. Walau bagaimanapun, Menteri-Menteri secara amnya berpandangan bahawa pertumbuhan dari segi KDNK sahaja adalah tidak mencukupi sekiranya tidak dirasai rakyat.

Mesyuarat kali ini turut memberi penekanan kepada peningkatan modal insan dan latihan semula tenaga kerja untuk memenuhi permintaan buruh dalam menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat. Para menteri bersetuju mekanisme kerjasama perlu mempercepatkan penggubalan Kerangka Revolusi Industri Keempat yang antara lainnya untuk menyediakan pembangunan kapasiti dan modal insan berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang *Big Data*, robotik, *Internet of Things*, *artificial intelligence* dan teknologi *blockchain*.

Menyedari hakikat ini, penglibatan sektor swasta adalah penting dalam menghadapi perubahan paradigma Revolusi Industri Keempat untuk membangunkan ekonomi sub-serantau termasuk penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Majlis Perniagaan Bersama IMT-GT perlu ditingkatkan.

Mesyuarat ini juga turut menyaksikan penganjuran Persidangan Bandar Hijau yang bertujuan menerapkan budaya inovasi hijau dan amalan terbaik melalui mekanisme kerjasama serantau. Ini adalah lanjutan daripada usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam merintis Inisiatif Bandar Hijau melalui kerjasama IMT-GT.

Menyedari potensi yang wujud daripada sektor-sektor baharu, lapan negeri-negeri IMT-GT di Malaysia digalakkan untuk mewujudkan strategi dan langkah-langkah yang selari dengan keperluan sektor-sektor pertumbuhan hijau yang baharu.

Mesyuarat Ke-25 Peringkat Menteri IMT-GT dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan akan diadakan di Krabi, Thailand pada September 2019.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**